



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 19 September 2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2017 PENYEDIAAN BAJET OPERASI BAGI TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa satu pekeling telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran. Untuk makluman, pekeling ini adalah berkuatkuasa mulai **25 September 2017**. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya pekeling ini dapat didedarkan kepada kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2017

PENYEDIAAN BAJET OPERASI BAGI TAHUN 2018

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan penyediaan bajet kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tahun kewangan 2018.

LATAR BELAKANG

2. Universiti sekali lagi dijangka akan menghadapi bajet yang ketat pada tahun 2018 berikutan polisi penyaluran peruntukan Geran Kerajaan yang amat terhad. Keperluan perbelanjaan yang tinggi berbanding pendapatan mengakibatkan Universiti mengalami defisit. Oleh itu, penyediaan bajet yang berimbang harus dilaksanakan bagi memastikan Universiti dapat beroperasi.

3. Penyediaan bajet 2018 memberi penekanan kepada jumlah sumbangan yang mampu diberikan oleh setiap PTj dalam menampung kos mengurus Universiti. Penjana sumber dalaman yang telah diusahakan pada tahun 2017 perlu ditingkatkan sehingga mencapai sasaran 28% menjelang tahun 2018.

4. Pendedahan awal kepada PTj mengenai konsep dan komponen kos yang terlibat dalam mengurus Universiti adalah penting bagi memastikan PTj dapat memahami bahawa Universiti membelanjakan kos terpusat atau diletakkan di jabatan perkhidmatan tertentu tanpa dical kepada PTj secara langsung. Kategori kos terdiri daripada dua, iaitu:

- 4.1. **Kos Langsung** bermaksud kos yang boleh dikenalpasti secara terus kepada sesuatu aktiviti/ program di PTj contohnya gaji pensyarah, bahan pengajaran dan belanja perjalanan sesuatu aktiviti/ program di PTj.

- 4.2. **Kos Tak Langsung** bermaksud sebarang perbelanjaan yang tidak dapat dikenalpasti secara spesifik kepada aktiviti/ program tetapi ianya merupakan kos yang ditanggung oleh universiti bagi membolehkan aktiviti/ program tersebut dapat dijalankan. Antara kos yang dikategorikan dalam skop ini termasuk penyelenggaraan bangunan, peralatan dan ruang, insurans, perbelanjaan utiliti, kos pentadbiran seperti bayaran gaji kakitangan, bekalan alatan pejabat, pengurusan kenderaan, rawatan perubatan, khidmat keselamatan dan perpustakaan yang tidak dicaj terus kepada PTj.

5. Pencapaian Keberhasilan Utama Universiti (KRA)

- 5.1. Universiti menetapkan bidang keberhasilan utama yang kelima (KRA 5) ialah Penjanaaan Kekayaan Secara Optimum dan Strategik. Oleh itu dalam mencapai sasaran KRA 5 ini, PTj haruslah merancang perbelanjaan dengan mengambilkira bidang keberhasilan utama yang telah ditetapkan ini.
- 5.2. Penetapan sasaran hasil penjanaaan sumber dalaman Universiti adalah seperti berikut;

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Sasaran Penjanaaan	20%	25%	27%	28%	29%	30%

- 5.3. Dalam mencapai sasaran di atas, PTj hendaklah memberi fokus terhadap penjanaaan pendapatan bagi membiayai kos operasi melalui beberapa perkara seperti berikut;
- Peningkatan hasil yuran pengajian dan kemasukan pelajar
 - Penyewaan ruang dan kemudahan peralatan pada kadar yang optimum
 - Perkhidmatan kepakaran
 - Mengenalpasti sumber luar melalui dana endowmen dan tajaan yang berpotensi
- 5.4. Berdasarkan prestasi penjanaaan pendapatan bagi suku kedua tahun 2017, pendapatan yang dijana bagi Pusat dan Institut berada pada tahap yang masih rendah berbanding kos operasi yang tinggi.

6. Penilaian Semula Program

- 6.1. PTj hendaklah menilai semula program-program yang dijalankan agar bersesuaian dengan cabaran perdana dan kehendak pasaran. Program yang dirancang haruslah mempunyai sumber pembiayaan yang lestari dan sebarang pertindihan fungsi antara PTj hendaklah dielakkan.

7. Laporan Bajet Program dan Prestasi

- 7.1. Penyediaan Bajet Universiti yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi. Bajet yang diluluskan akan digunakan bagi menilai laporan terhadap prestasi yang telah dipersetujui. Laporan ini akan dikemukakan kepada kementerian.
- 7.2. PTj hendaklah mengemukakan **Laporan Bajet Program dan Prestasi** seperti format yang disediakan pada **Lampiran 1**.

8. Penyediaan Cadangan Bajet 2018

- 8.1. Penyediaan cadangan Bajet Mengurus bagi tahun 2018 hendaklah dibuat sepertimana format yang diperkenalkan pada tahun 2016. Kaedah tersebut mengambilkira perkara berikut:
 - i. Perbelanjaan emolumen ditampung melalui Geran Kerajaan berdasarkan vot yang telah diluluskan dan non-emolumen dibiayai melalui sumber dalaman.
 - ii. Memastikan anggaran pendapatan adalah munasabah dan mampu dicapai oleh PTj berdasarkan aktiviti penajaan sedia ada atau baru.
 - iii. PTj hendaklah merancang agar sumber Tabung Amanah dapat membiayai sebahagian kos operasi.
 - iv. Mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan dalam Pekeling Bendahari Bil. 6/2016 Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Universiti.
 - v. Merancang perbelanjaan sehingga akhir tahun kerana peruntukan tambahan sukar dipertimbangkan.
- 8.2. Semua PTj hendaklah mengemukakan cadangan **Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2018** melalui format seperti di **Lampiran 2**. Panduan dan kaedah penyediaan juga dinyatakan dalam lampiran tersebut. Salinan *softcopy* akan diberi melalui email kepada semua pegawai bertanggungjawab di PTj dan harus dilengkapkan sepertimana yang dikehendaki.

9. Peruntukan Emolumen Kakitangan Tetap dan Kontrak

- 9.1. Keperluan peruntukan emolumen setiap PTj bagi jawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar UKM. Perancangan pengambilan dan pengisian perlu diselaraskan berdasarkan vot perjawatan yang telah diluluskan. Sekiranya berlaku kekurangan peruntukan Geran Kerajaan dalam

membiyai perbelanjaan emolumen, ianya akan ditampung dari Kumpulan Wang Hasil (KW Hasil).

- 9.2. BSM juga perlu menyelaras dan menyediakan anggaran peruntukan kakitangan kontrak yang diperlukan oleh semua PTj.
- 9.3. Lantikan sedia ada perlu dikaji semula dan semua lantikan baru hendaklah berdasarkan kemampuan kewangan Universiti.

10. Rancangan Perolehan dan Pengurusan Kontrak Bermasa

- 10.1. Pengurusan perolehan hendaklah dirancang dengan sebaik mungkin. Oleh itu, PTj diminta untuk menyediakan perancangan perolehan seperti format **Borang Perancangan Perolehan Bagi Tahun 2018** di **Lampiran 3**. Ini bagi memastikan bekalan barang dan perkhidmatan dapat disempurnakan dalam tempoh yang dikehendaki.
- 10.2. Pengurusan Kontrak Bermasa bagi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan dan kerja hendaklah diperuntukkan dengan secukupnya. Bagi memastikan perkara ini dipatuhi, PTj perlu melengkapkan **Borang Perbelanjaan Kontrak Bermasa Tahun 2018** di **Lampiran 4**.

11. Peruntukan Penyelenggaraan dan Naiktaraf

- 11.1. Keperluan peruntukan bagi perbelanjaan modal dan pembangunan/ projek yang signifikan serta tidak mampu ditampung oleh pendapatan Universiti hendaklah disediakan secara berasingan. Permohonan peruntukan projek sentiasa dibuka dengan menyediakan maklumat dan perancangan lengkap dan jelas akan keperluan projek. Setiap cadangan yang signifikan akan dikaji dan dibentangkan diperingkat tertinggi bagi tujuan kelulusan.
- 11.2. Kelulusan pembiayaan projek ini bergantung kepada keupayaan pembayaran balik pendapatan yang dijana dalam tempoh jangka masa panjang, pulangan atas pelaburan dan impaknya kepada pembangunan Universiti. Projek yang berpotensi akan dibiayai samada melalui projek usahasama dengan pihak swasta, pinjaman atau dimasukkan dalam permohonan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke 11.
- 11.3. Peruntukan untuk penyelenggaraan dan naik taraf juga perlu dirancang dengan baik. Prasarana-UKM perlu mengemukakan senarai projek penyelenggaraan dan naiktaraf (selain kontrak bermasa) mengikut keutamaan dan kesegeraan.

12. Jadual Penyediaan Bajet 2018

Jadual perancangan bagi penyediaan bajet ini adalah sepertimana yang ditetapkan di Lampiran 5 Jadual Penyediaan Bajet 2018.

PENGUATKUASAAN

13. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTj (tidak termasuk PTj yang menjalankan perkhimatan operasi di HCTM). Entiti yang dikelaskan di bawah KW Enterprise seperti PKP dan UKM-GSB perlu menyediakan bajet tahunan secara berasingan untuk kelulusan Jawatan Kuasa Tetap Kewangan (JKTK).

14. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **25 September 2017**.

RUJUKAN

Pekeliling Bendahari Bil. 7/2016 Penyediaan Bajet Operasi Universiti Kebangsaan Malaysia bagi Tahun 2017 hendaklah dirujuk bersama sebagai asas dan panduan penyediaan bajet ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Bajet dan Penajaan, Jabatan Bendahari di talian 03-89215110/ 5098

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



KHALIJAH HJ. BAKAR

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM

LAPORAN BAJET PROGRAM DAN PRESTASI

NAMA PTJ : _____
NAMA SUB-PTJ : _____

Prestasi Aktiviti				
BIL.	Output	2016 (Sebenar)	2017 (Anggaran)	2018 (Anggaran)
1.	Bil. Enrolmen Pelajar			
2.	Bil. Pengambilan Pelajar Baru			
3.	Bil. Graduan Dikeluarkan			
4.	Bil. Aktiviti Pembangunan Pelajar			
5.	Bil. Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan			



Lampiran 3

PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2018

NAMA PTJ : _____
 NAMA SUB-PTJ : _____

Bil.	Kumpulan Wang	Tajuk Perolehan	Jenis Perolehan Bekalan / Kerja / Perkhidmatan	Anggaran Kos (RM)	Jangkaan Pelawaan
1.	Hasil				
2.	Penyelidikan/Pembangunan				
3.	Amanah & Lain-lain				
JUMLAH KESELURUHAN					

**Perancangan mestilah berdasarkan prestasi kedudukan kewangan dan disusun mengikut keutamaan

PERBELANJAAN KONTRAK BERMASA TAHUN 2018

NAMA PTJ : _____
NAMA SUB-PTJ : _____

Bil.	Keterangan Kontrak	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Komitmen Jan – Dis 2018 (RM)
JUMLAH KESELURUHAN				

JADUAL PENYEDIAAN BAJET 2018

Bil.	Perkara	Tarikh Sasaran	Tindakan
1.	Taklimat dan penerangan kepada PTJ tentang <i>template</i> penyediaan bajet	26 September 2017	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
2.	Penyediaan unjuran pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan	26 September – 30 Oktober 2017	Semua PTJ
3.	Pembentangan dan pemeriksaan unjuran bajet oleh PTJ kepada Pengurusan Tertinggi UKM	15 - 30 Oktober 2017	PTJ dan Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
4.	Mendapatkan perakuan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU)	15 November 2017	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
5.	Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK)	30 November 2017	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
6.	Kemasukan maklumat bajet yang diluluskan ke dalam sistem UFAST	31 Disember 2017	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari